

03 SEP 1999

Khalil-Umno

BANYAK BEKAS ANGGOTA UMNO INGIN RUJUK

PETALING JAYA, 3 Sept (Bernama) -- Umno telah menerima banyak surat daripada bekas anggota yang meninggalkannya sejak lapan bulan lepas memohon untuk kembali menyertai semula parti itu, kata Setiausaha Agungnya Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata mereka menulis secara ikhlas kepada parti tentang kehampaan berjuang dalam parti pembangkang, yang ternyata amat berbeza dengan Umno.

"Banyak menulis surat kepada parti menyatakan mereka sebenarnya tidak pernah berpisah dengan Umno dan nak menyertai balik dan sejumlah besarnya ikhlas," katanya kepada pemberita selepas melawat bilik gerakan pilihan raya Umno Bahagian Petaling Jaya Selatan di sini petang ini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan berkata, golongan itu hampa kerana tidak dapat mencari penyelesaian kepada masalah yang mereka suarakan.

"Umno sebenarnya lebih terbuka. Kalau seseorang itu nak menyuarakan sesuatu, dia boleh buat di peringkat cawangan atau bahagian dan ada kemudahan terus kepada pemimpin tertinggi kalau dia kemukakan masalahnya.

"Selalunya sistem kita menjamin ada jawapan dan ada tindakan dan ini tidak terdapat di pihak parti lawan kerana parti lain mungkin boleh mendengar tetapi tidak boleh menyelesaikan masalah yang dikemukakan oleh ahlinya," katanya.

Katanya Umno berupaya menyemak senarai keanggotaan parti sehingga kepada anggota terakhir, tidak seperti parti lawan yang lazimnya memperbesar-besarkan angka keanggotaan tetapi tidak dapat membuktikannya.

"Kalau kita kata 2.7 juta ahli, yang akhir lapan orang, kita boleh semak kesahihan sampai kepada ahli terakhir," katanya.

Mengenai persediaan jentera pilihan raya Umno, Khalil berkata, berdasarkan lawatannya bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke seluruh negara serta lawatan beliau sendiri secara rambang, struktur jentera parti adalah tersusun dan berada pada tahap yang amat tinggi.

Rakyat juga telah menunjukkan semangat dan sambutan yang luar biasa terhadap kerajaan terutamanya semasa sambutan Hari Kebangsaan ke-42 Selasa lepas, katanya.

Khalil berkata Umno lebih menumpukan kepada ceramah berbentuk dua hala kepada kumpulan-kumpulan sederhana dan interaksi secara soal jawab dalam ceramah-ceramah itu adalah berkesan.

"Kekuatan sesebuah parti politik tidak boleh diukur melalui jumlah kehadiran pada majlis ceramah kerana pengalaman membuktikan bahawa ia tidak mencerminkan sokongan rakyat semasa pilihan raya," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI